



Building the Thought Character of Muslim Students through the Guidance of Surah Al-Fatihah

Membina Karakter Pemikiran Pelajar Muslim Menerusi Petunjuk Surah Al-Fatihah

Mikdar Rusdi^{1*}, Md Azmi Omar², Norasimah Omar³, Suhaila Abdul Muin⁴

^{1,2,3}Faculty of Usuluddin,
Seri Begawan Religious Teachers University College, BRUNEI

⁴Faculty of Humanities, Arts and Heritage,
Universiti Malaysia Sabah, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/jqsr.2021.02.01.001>

Received 31 December 2020; Accepted 20 January 2021; Available Online 30 June 2021

Abstract: Muslim students are words that combine two identities, namely the seeker of knowledge and submission to Allah S.W.T. If these two elements are combined, then a Muslim student has no way for him except to make the Quran as a source of guidance. Surah al-Fatihah is a solution that can be the qibla of the formation of a Muslim student because without the application of this surah the knowledge required can be less blessed, worship will be lame, the formation of identity will not be balanced, communication between servants and creators will face deadlock. What is certain is that surah al-Fatihah is the determinant of the acceptance of prayer, the medium of communication between human beings and creators, all of which have a profound effect on the process of character formation of a student's life. Surah al-Fatihah is placed at the earliest in the order of mushaf al-Quran as a guide in doing, thinking, acting and behaving in living life, especially in seeking knowledge. Surah al-Fatihah as part of the Quran is certainly not left behind in paying attention to the development of the character of a student's thinking. This is reflected in the declaration of the reciter to be with Allah S.W.T, not asking except to the Almighty, not doing except under the presence of meetings with the ruler of the Day of Judgment, his days are filled with worship and prayer, always alert to the wrath of Allah S.W.T and the danger of misguided thoughts and understandings that are not in line with the Quran. This paper can to some extent give a new formula in our thoughts and actions through the study of surah al-Fatihah starting from the concept of *maiatullah*, seeking sustenance, doomsday, worship, and prayer.

Keywords: Al-Quran, Al-Fatihah, character, muslim student

Abstrak: Pelajar Muslim adalah perkataan yang mencantumkan dua entiti, iaitu penuntut ilmu dan penyerahan diri kepada Allah S.W.T. Sekiranya dua elemen ini dicantumkan, maka seseorang pelajar Muslim tiada cara bagi dirinya kecuali mengangkat al-Quran sebagai sumber petunjuk. Surah al-Fatihah adalah sebuah penyelesaian yang menjadi kiblat dalam pembentukan pelajar Muslim kerana tanpa mengaplikasikan surah ini, ilmu yang dituntut tidak akan diberkati, amal ibadah menjadi lesu, pembentukan keperibadian tidak seimbang, komunikasi di antara hamba dan Pencipta menemui jalan buntu. Apa yang pasti, surah al-Fatihah merupakan penentu solat diterima, medium komunikasi di antara hamba dan Pencipta, di mana kesemua tersebut memberi kesan yang mendalam dalam proses pembentukan keperibadian dalam kehidupan seorang pelajar. Surah al-Fatihah berada dalam susunan terawal mushaf al-Quran sebagai panduan dalam perilaku, pemikiran, tindakan dan tingkah laku dalam kehidupan terutamanya dalam menuntut ilmu. Surah al-Fatihah adalah bahagian Quran yang tidak ketinggalan dalam memberi perhatian terhadap pembangunan keperibadian dari segi pemikiran pelajar. Hal ini dapat dilihat dalam pengakuan pembaca untuk bersama Allah S.W.T., tidak akan meminta kecuali kepada yang Maha Kuasa, tidak berbuat apa-apa kecuali di bawah pengawasan pemerintah Hari Pembalasan, hari-harinya dipenuhi dengan menyembah Allah, sentiasa berhati-hati dengan murka Allah S.W.T. dan daripada bahaya pemikiran dan pemahaman yang menyimpang dari al-Quran. Artikel ini memberikan formula asas dalam pemikiran dan perilaku kita melalui pengkajian surah al-Fatihah bermula daripada konsep *maiatullah*, mencari rezeki, hari kiamat, ibadah dan doa.

Kata Kunci: Al-Quran, Al-Fatihah, keperibadian, pelajar muslim

1. Pendahuluan

Surah al-Fatihah adalah surah yang diturunkan sebelum Rasulullah s.a.w. berhijrah ke Madinah (makkiyyah) merupakan surah yang pertama diturunkan secara lengkap serta surah yang menempati urutan pertama dalam penulisan mushaf al-Quran bahkan surah ini menempati urutan ke lima dari segi sebab turunnya surah-surah dalam al-Quran (asbab nuzul). Nama surah ini yang paling asyur adalah surah al-Fatihah namun masih mempunyai nama-nama yang lain seperti yang disebutkan oleh Imam al-Qurtuby terdapat lebih kurang 12 nama (Al-Qurtuby, 1967), surah al-Fatihah adalah bahagian dari rukun solat dan menjadi penentu diterimanya ibadah solat, surah ini juga mempunyai banyak kelebihan dan keutamaan bermula dari makna yang tersirat dan tersurat hingga kepada hadith-hadith yang disebut langsung oleh Nabi Muhammad s.a.w. yang akan disebutkan menerusi sumber-sumber yang muktabar.

Sudah menjadi tradisi bagi umat Islam bagi bacaan al-Fatihah adalah sesuatu yang lazim, bahkan dalam membacanya tidak kurang 17 kali sehari semalam, namun dalam konteks pemahanan dan pengaplikasian dalam pelbagai bidang terkadang kita masih berada di peringkat yang sangat rendah bahkan memahami maksudnya pun terkadang masih teragak-agak, justru itu, seorang penuntut ilmu perlu menghidupkan pemahaman surah ini dalam kehidupan keseharian penuntut agar ilmu yang dicari mendapat berkah dan kerediaan Allah S.W.T.

2. Kandungan Surah al-Fatihah

Surah *al-Fatihah* terdiri dari 7 ayat, 29 perkataan dan 142 huruf ianya merupakan induk kepada al-Quran dan mengandungi isi al-Quran secara umum seperti aqidah, syari'ah, ibadah, iman kepada hari kiamat, sifat-sifat asmaul husna, tuntutan untuk mentauhidkan Allah S.W.T. dalam ibadah dan doa, petunjuk untuk memohon hidayat ke jalan yang lurus dan perlindungan dari jalan-jalan yang terpesong dari hidayah Allah S.W.T.

Surah al-Fatihah menyentuh segala yang berkaitan dengan kehidupan umat manusia bermula dari niat untuk melakukan pekerjaan dengan melibatkan kehadiran dan kebersamaan Allah S.W.T. dalam memulakan pekerjaan yang terkandung dalam lafaz *bismillah* kemudian menunjukkan kepada siapa manusia patut menyembah yang terkandung di dalam lafaz *iyyaka na'bud* setelah itu manusia dituntun agar tidak berhenti berharap kepada penciptanya dengan memohon doa agar diberi kebaikan dari pekerjaan yang diceburi, sambil menanamkan keyakinan bahawa hasil dari usaha yang dilakukan tidak mungkin mendapat restu kecuali izin dari Allah S.W.T. yang mempunyai sifat Maha Pemurah dan Maha Pengasih.

Selain daripada itu surah *al-Fatihah* juga mengajarkan secara langsung bagaimana mensyukuri pemberian Allah S.W.T. dengan lafaz *al hamdu lillah* sebagai tanda kesyukuran terhadapNya. Rasa kesyukuran ini perlu ditujukan kepada *al-Rahman dan al-Rahim* kerana dengan sifatnya inilah yang menunjukkan kemaha muliaan Allah S.W.T. melalui pemberian dan pertolongan sehingga memakbulkan doa yang dipinta. Justru itu surah ini mendorong kita untuk mengingat Allah S.W.T. sebagai Maha Pemberi dan Maha Pengasih sehingga wajar kalau Allah S.W.T. menyebut sifat sifat al-Rahman dan al-Rahim dua kali dalam surah ini sekali dalam bismillah dan sekali dalam bentuk ayat bersendirian.

Surah *al-Fatihah* juga mengajarkan kepada umat Islam agar mengenali perjalanan hidup ini kerana dalam mejalan kehidupan dunia tidak terhenti setakat berusaha dan bersyukur tetapi akan menuju kepada persitiwa atau kejadian yang akan berlaku kepada setiap insan iaitu menemui hasil usahanya kelak nanti di hari akhirat. Kehidupan setelah kematian adalah perkara ghaib namun manusia perlu yakin bahawa semua manusia akan menuju dan kembali kepada Tuhan yang menguasai hari pembalasan iaitu *مالك يوم الدين*.

Seterusnya manusia diajar bagaimana menyembah dan memohon kepada Allah, atau dengan kata lain beribadah kepadaNya, perkara ini sangat penting kerana menyembah Allah S.W.T. adalah kewajiban manakala doa adalah bahagian dari ibadah yang melukiskan keperluan hamba kepada penciptanya, manusia sebagai makhluk pasti mempunyai kekurangan dan ketika merasakan kekurangan dan kelemahan wujud pada dirinya maka secara fitrah semulajadi akan mencari kekuatan, pemberi inspirasi, penyelamat atau dengan kata lain *tuhan* sebagai sandaran, rujukan dan tempat mengadu yang dapat menolongnya agar kekurangan dan kelemahan itu dapat diatasi.

Surah *al-Fatihah* juga memberikan contoh yang baik dalam memita dan memohon kepada Allah S.W.T. agar diberi hidayah, hidayah adalah petunjuk atau keterangan yang membuatkan seorang hamba mengetahui jalan apa yang wajar mereka lalui dan teladani dan jalan mana yang patut mereka hindari, dalam hal ini manusia memohon agar diberi petunjuk kepada jalan yang lurus dan dihindarkan dari jalan orang yang dibenci dan tersesat.

3. Kebersamaan Allah S.W.T. dalam Menuntut Ilmu

Karakter yang pertama yang perlu dimiliki adalah menjadikan Allah S.W.T. sebagai peneman, pengawal, pemerhati dalam segala langkah penuntutan ilmu. Tentunya perkara ini sangat penting dan tidak semudah dengan apa yang dibayangkan kerana langkah seorang penuntut terkadang tersentak dan berhenti ketika diuji dengan cabaran material dan emosional. Seorang penuntut perlu menanamkan sikap kemandirian dan kesabaran dalam menghadapi proses pencarian ilmu yang terkadang dihadapkan dengan situasi yang tidak menentu seperti pembayaran yuran, kos sara hidup, perbelanjaan peralatan sepanjang pengajian, ketahanan mental dan keyakinan diri semua ini kalau tidak ditangani dengan bijaksana boleh menghantar kepada kegagalan dalam menuntut ilmu.

Ayat pertama surah *al-Fatihah* بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ adalah solusi yang paling hebat untuk menanamkan sikap kemandirian dan kesabaran seorang penuntut, dan jika seorang sudah meyakinkan dirinya bahawa segala langkah yang dilakukan menanamkan sikap bersama dengan Allah S.W.T., maka situasi seperti ini akan nampak berbeza kerana penuntut muslim selalu disokong oleh kekuatan Yang Maha Pemurah ke atas segala ilmu yang dicari dan Maha Mengasihani atas segala langkah yang ditempuh.

Pesan yang tersirat disebalik huruf *bi* pada *basmalah* menunjukkan ikrar seorang hamba untuk bersama dengan Allah S.W.T. ketika melakukan pekerjaan, dalam hal ini lafaz *bismillah* sudah tentu memiliki keunikan dan hikmah di sebalik susunannya yang disebut seolah-olah tidak lengkap mengikut susunan ayat yang sempurna dan sudah tentu mengandungi hikmah atau mesej yang mendalam dan luas, bahkan boleh dikatakan dengan *basmalah* seseorang boleh mengaitkan seluruh jenis perbuatannya dengan penciptanya, hamba yang membaca *bismillah* mengharap kehadiran dan sokongan dari Allah S.W.T. ketika memulakan pekerjaannya. Itulah hikmahnya sehingga Allah S.W.T. tidak menyebutkan subjek dan predikatnya pada ayat *bimillah* agar sifatnya umum sehingga semua bentuk pekerjaan boleh dikaitkan dengan rahmat dan kasih sayang Allah S.W.T. Untuk lebih jelasnya dapat dilihat melalui Jadual 1.

Jadual 1 - Contoh analisis subjek dan predikat berserta keterangan

Subjek	Predikat	Keterangan
Saya / kami/ anda / kalian / dia / mereka	<ul style="list-style-type: none"> • Menuntut Ilmu • Berjalan ke dewan kuliah • Membuka buku • Mencari maklumat di internet • Memulakan bacaan al-Quran • Belajar al-Quran • Makan dan minum • Mendidik anak • Musafir ke luar negara menuntut ilmu 	Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani
(Tidak disebut)	(Tidak disebut)	(Disebut)

Bismillah pada Jadual 1 mengajarkan kita bahawa semua yang diniatkan hendaklah tidak terlepas dari kebersamaan kita dengan Allah S.W.T. di dalam apa pun jenis pekerjaan dan di mana pun kita berada serta dalam keadaan apapun kita berada.

4. Keyakinan Diri kepada yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Pelajar muslim dalam menuntut ilmu perlu menanamkan dalam dirinya bahawa ilmu yang didapat adalah pemberian Allah S.W.T. yang perlu disyukuri dan ilmu yang belum didapatkan mungkin perlu ditempuh dengan usaha yang lebih gigih atau masih memerlukan proses yang panjang sehingga memerlukan sifat kesabaran untuk mendapatkannya. Justeru itu terdapat dua sifat yang perlu dimiliki oleh pelajar agar karakter pencarian ilmu terbentuk berdasarkan petunjuk Allah S.W.T.

4.1. Sifat Syukur kepada Allah S.W.T

Sifat syukur yang dimaksudkan di sini adalah syukur dalam bentuk ucapan dan perbuatan. Rasa syukur tidak cukup dengan ucapan *al-hamdulillah* sahaja tetapi yang dituntut adalah bentuk perbuatan yang melambangkan kesyukuran yang sebenarnya kepada Allah S.W.T. kerana sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* pada ayat pertama jelas menunjukkan perlunya meyakini dengan penuh harapan kepada apa yang dituntut dapat dikabulkan oleh Allah S.W.T. melalui sikap kebersamaan dengan Allah S.W.T. (*maiatullah*). Justeru itu, ayat kedua datang dengan lafaz الحمد لله رب العالمين, seolah-olah mengajarkan kita ucapan yang paling layak disebut setelah mendapat nikmat adalah *al-hamdulillah* namun ketika menghayati ayat yang ketiga dengan sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim* Allah S.W.T. maka sekali lagi ayat ini memberi isyarat yang lebih mendalam bahawa kesyukuran tidak cukup dengan ucapan sahaja tetapi lebih dari itu dengan menyatakan dalam bentuk keyakinan bahawa Allah S.W.T. dengan sifat *al-Rahman* dan *al-Rahim*nya yang memberi nikmatnya kepada kita dan keyakinan ini perlu diterjemahkan dalam bentuk perbuatan.

Ketika kesyukuran dinyatakan dengan lidah dan perbuatan itulah yang maksudkan oleh firman Allah S.W.T. :

لَئِنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ (7) ابراهيم

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahkan nikmatKu kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azabKu amatlah keras”.

Selain bersyukur kepada Allah S.W.T. dalam bentuk ucapan dan perbuatan juga dituntut lagi bentuk yang ketiga iaitu bersyukur dalam bentuk keyakinan bahawa seorang yang mendapat nikmat dari Allah S.W.T. perlu menanamkan kepercayaan pada dirinya bahawa Dialah Allah yang menganugerahkan nikmat-nikmat itu kepadanya dan Dia jugalah yang menunjuki jalan untuk menyatakan rasa syukur atau mengaturkan keadaan persekitaran pada dirinya sehingga perasaan syukur terucap melalui lidahnya dan terlaksana melalui perbuatannya.

4.2. Sifat Sabar dalam Menerima Pemberian

Seorang hamba perlu memahami secara mendalam bahawa pemberian Allah S.W.T. tidak selamanya nampak baik di mata manusia, boleh jadi ketika ditimpakan sesuatu yang tidak memberi keselesaan dalam hidup akan difahami sebagai ujian dan cobaan dari Allah S.W.T. sehingga perlu menunjukkan sifat sabar dalam menerima ujian Allah S.W.T.

Di sini Allah S.W.T. hendak melihat sejauh mana penerimaan hamba dalam menyikapi pemberian Allah S.W.T. adakah diterima dengan sifat syukur atau dengan sifat sabar, bagi orang yang beriman ketika berhadapan dengan pemberian Allah S.W.T. tiada pilihan kecuali bersyukur atau bersabar kerana keduanya adalah sifat yang terpuji. Sabda Nabi s.a.w.:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَحَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصَابَتْهُ سَرَاءٌ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصَابَتْهُ ضَرَاءٌ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ
رواه مسلم

Maksudnya:

Rasulullah s.a.w. bersabda: sungguh ajaib urusan orang yang beriman, semua urusannya adalah dinilai kebaikan, dan ini tidak berlaku kecuali kepada orang yang beriman, sekiranya ditimpakan kebaikan ia bersyukur dan itu yang terbaik baginya dan sekiranya ditimpakan kemudhoratan ianya bersabar dan itu yang terbaik baginya.

Justeru itu ketika Allah S.W.T. memberi bala kepada hambanya ujung-ujungnya akan dinilai baik dan buruk bergantung sikap hamba dalam menjalani ujian yang diberikan kepadanya, kerana sememangnya bala itu boleh berakibat baik atau buruk firman Allah S.W.T.:

وَتَبْلُوكُمْ بِالسَّيْرِ وَالْحَيْرِ فِتْنَةً [35] الأنبياء

Maksudnya:

Dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan.

5. Menuntut Ilmu antara Ibadah dan Doa

Perlu menjadi perhatian bagi setiap penuntut ilmu bahawa melangkahkahi kaki untuk mencari ilmu adalah dikategorikan sebagai orang yang berada di jalan Allah S.W.T. ini menunjukkan bahawa ianya ibadah dan ketika mencarinya belum tentu didapatkan sesuai dengan harapan sebelumnya, dari sinilah sehingga seorang penuntut ilmu perlu menyatakan harapannya kepada Allah S.W.T. melalui doa agar yang dituntut sesuai dengan harapan dan cita-cita serta mendapat keredhaan daripada Allah S.W.T.

Pengkategorian menuntut ilmu sebagai ibadah dapat difahami melalui lafaz نعيد yang akar perkataannya sama dengan lafaznya عبادة yang seolah-olah memberi pemahaman baru kepada kita bahawa ibadah itu tidak terbatas kepada solat,

puasa zakat dan haji sahaja tetapi semua amalan yang menunjukkan ketaatan kepada Allah S.W.T. adalah masuk dalam kategori ibadah.

Selain daripada itu penuntut juga dihadapkan dengan usaha dan pengorbanan dalam mencari ilmu, hal yang diperlukan adalah permohonan kepada Allah S.W.T. agar apa yang dituntut dapat seperti yang diharapkan. Dengan demikian sempurnalah makna *إياك نعبد وإياك نستعين*.

Fiil mudhori pada ayat *نعبد ونستعين* menunjuk kepada kata kerja yang membawa maksud perbuatan yang dilakukan pada waktu sekarang dan akan datang, di dalam ilmu tafsir kata kerja seperti ini menunjuk kepada perbuatan yang sentiasa dilakukan dan berlaku secara berterusan (*تفيد التجدد والإستمرار*) dalam memahami ayat ini ada beberapa hal penting berkaitan dengan ibadah dalam Islam antaranya:

- Konsep beribadah dan berdoa kepada Allah S.W.T. tidak terhad kepada waktu tertentu bahkan bila-bila masa boleh dilakukan kecuali ibadah tertentu yang telah ditetapkan waktu dan tempatnya di dalam Islam seperti solat lima waktu dan ibadah haji di Mekah.
- Ibadah dan doa kepada Allah S.W.T. bukan bermaksud hanya boleh dilakukan pada zaman turunnya al-Quran tetapi ianya berkesinambungan hingga sekarang bahkan hingga hari kiamat.
- Ibadah dan doa juga tidak terhad kepada orang tertentu sahaja seperti orang wara, alim ulama dan para wali tetapi merangkumi semuanya baik kanak-kanak, dewasa, orang tua, tanpa kecuali. Dengan demikian orang tak berilmu orang yang bukan ahli ibadah semuanya dituntut untuk berdoa dan beribadah tanpa menunggu umur orang tua baru mahu beribadah dan berdoa, begitu juga dengan orang yang tak memiliki ilmu agama yang tinggi juga dituntut beribadah dan berdoa tanpa mengunggu banyaknya ilmu baru hendak menyembah dan berdoa.
- Ibadah dan doa juga tidak mengenal waktu baik dalam keadaan bahagia atau sengsara, gembira atau sedih, lapang atau sibuk menjalankan tanggung jawab atau tidak, semuanya dituntut untuk menunaikannya tanpa mengira keadaan. Justeru itu, ibadah juga perlu diterjemahkan lebih luas bukan terhad kepada ibadah-ibadah yang telah ditetapkan rukun dan syaratnya sahaja seperti solat, puasa dan haji tetapi meliputi semua amalan yang ditunaikan dengan dasar iman kepada Allah S.W.T.

5.1. Kaitan antara Penyembahan (*إياك نعبد*) dan Permohonan (*إياك نستعين*)

Hamba yang menyembah kepada Tuhan penciptanya adalah merupakan bukti adanya kesedaran dan rasa ketergantungan kepada Allah S.W.T. kerana manusia dalam keadaan tertentu akan timbul rasa keperluan untuk menyerah diri kepada kuasa yang mengatasi segala jenis kuasa yang dimilikinya, dari sinilah lahir pengiktirafan diri sebagai hamba yang perlu kepada tuhan pencipta, seseorang yang mengakui dirinya hamba kepada Allah S.W.T. secara tidak langsung mengiktiraf dirinya lemah dari segala hal jika berhadapan dengan Tuhan, dengan demikian perbuatan yang paling sesuai dilakukan oleh hamba setelah menyembah adalah memohon dan meminta agar diberi kekuatan, tuntunan, hidayah, rezeki, kesihatan dan sebagainya.

Doa yang dimunajatkan oleh hamba dikira sebagai ibadah bahkan ianya perintah langsung dari Allah S.W.T. kepada hambanya agar memohon kepadanya, firman Allah S.W.T. :

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ (60) غافر

Maksudnya:

Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.

5.2. Kaitan antara (*إياك نستعين*) dan Proses Dimakbulkan Doa

Surah al-Fatihah jika diperhatikan akan nampak susunan ayat yang menarik, di mana permohonan untuk berdoa terletak di tengah-tengah surah dan didahului dengan beberapa ayat yang seolah-olah menjadi mukadimah atau pra-syarat kepada doa. Susunan ayat dalam al-Quran sudah ditetapkan oleh Allah S.W.T. dalam bentuk tawqifiy dan bukan secara kebetulan, susunan ini sudah tentu mengandungi banyak hikmah dan rahsia disebalik urutan ayat-ayatnya, lafaz *إياك نستعين* adalah menunjuk kepada pernyataan hamba kepada siapa mereka berdoa dan sebelum ayat ini terdapat beberapa ayat yang menjadi mukadimah sebelum memohon doa antaranya:

- Mengaitkan apa yang dilakukan dengan Allah S.W.T.
- Menyatakan pengiktirafan kepada Allah S.W.T. sebagai Tuhan Yang Maha Pemurah Dan Maha Mengasihani
- Menyatakan puji-pujian kepada Allah S.W.T. bahawa Dia lah yang yang mentadbir dan menguruskan seluruh alam ini.
- Meyakini bahawa segala apa yang didapat, dimiliki dan dirasakan semuanya kembali kepada kehendak Tuhan Yang Maha Pemurah Dan Maha Mengasihani
- Menyatakan kesediaannya untuk berhadapan dengan Tuhan yang menguasai hari pembalasan
- Menyatakan penyembahannya secara langsung kepada Allah S.W.T.
- Barulah meminta dan memohon kepada Allah S.W.T.

Semua urutan di atas seolah-olah sudah diatur sedemikian rupa sebelum meminta sesuatu kepada Allah S.W.T. lafaz *إِيَّاكَ نَسْتَعِينُ* berada pada urutan yang ketujuh ini menjadi renungan kepada umat manusia bahawa sebelum meminta kepada Allah S.W.T. perlu mengikut aturan dan strategi agar yang diminta mendapat restu dari Allah S.W.T. bahkan jika diaplikasikan kepada sesama manusia pun perlu mengambil kira cara dan aturan agar yang dipohon mendapat restu.

Seseorang yang hendak mengajukan permohonan untuk bekerja di suatu syarikat perlu memperhatikan syarat, strategi dan aturan main agar dapat diterima sesuai kriteria yang diperlukan sekurang-kurangnya mempunyai kelayakan, bersedia untuk berkhidmat sesuai dengan pekerjaan yang ditawarkan dan ketika sesi temuduga berlangsung perlu memberi pengakuan, pengiktirafan dan pujian kepadanya serta perlu menyatakan kesediannya untuk bekerja serta mendengar dan taat kepada semua aturan.

Dalam kaitannya dengan memohon kepada Allah S.W.T. pemohon perlu terlebih dahulu mengenali kedudukannya sebagai hamba dan mengenali Tuhannya sebagai Pentadbir, Pengurus dan Tumpuan segala makhluk yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih, ketika mengenali kedudukan ini maka sudah tentu akan menjadikannya mudah untuk meletakkan persoalannya bersama dengan Allah S.W.T. serta mengaitkan usaha dan hasil dari apa yang diminta akan dinilai kelak di hari akhirat. Inilah sifat orang yang beriman dan bertakwa sehingga pintu keberkatan akan dibuka kepadanya. Firman Allah S.W.T.:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ آمَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ (96) الأعراف

Maksudnya:

Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

6. Kesimpulan

Surah al-Fatihah memberi kesan yang sangat mendalam dalam memberi petunjuk kepada seorang pelajar dalam menjalani kehidupannya sebagai seorang yang berkecimpung dalam dunia Pendidikan, dalam hal ini ada beberapa perkara penting yang diperlukan agar proses penuntutan ilmu sejalan dengan petunjuk al-Quran antaranya:

- Seorang penuntut mestilah mendepankan sikap kebersamaan dengan penciptanya dalam segala hal, baik dalam keadaan senang ataupun susah.
- Seorang penuntut juga perlu menunjukkan sikap syukur dan sabar kerana dengan kedua sifat ini akan lebih mendewasakan minda seseorang ketika Berjaya atau gagal, iaitu ketika mendapatkan kejayaan tidak menjadikan sebagai alat untuk menyombongkan diri akan tetapi diterima dengan sifat syukur manakala ketika menghadapi kegagalan perkara ini tidak dijadikan sebagai pemacu untuk berputus asa dan putus harapan dengan Allah S.W.T. namun dihadapi dengan sifat kesabaran dan kebijaksanaan.
- Seorang penuntut juga perlu menilai bahawa apa yang dicari bukanlah sia-sia tetapi ianya masuk dalam kategori ibadah yang mendapat ganjaran nanti di hari kiamat.
- Menuntut ilmu tidak semudah membalikkan telapak tangan akan tetapi mengajarkan kita kepada usaha dan kegigihan. Dari sinilah datangnya doa agar hubungan penuntut dengan penciptanya sentiasa terjalin dan hamba sentiasa berharap kepada penciptanya melalui doa bukan putus asa dan kecewa ketika menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Rujukan

- Al-Biqā'i. Burhan al-Din Abu al-Hasan Ibrahim bin 'Umar bin Hasan al-Ribat bin 'Ali bin Abi Bakr. (1995). *Nazm al-Durar fi tanasub al-Ayat wa al-Suwar*. Cet. I. Juzuk 5. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Mawardi, Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Basry al-Bughdady. (t.th). *al-Nukat wa al-'Uyun*. Juzuk I. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Qurtuby. Abu 'Abdullah Muhammad Bin Ahmad. (1967). *Al-Jami' Li Ahkam Al-Qur'an*. Qaherah. Dar al-Katib al-'Araby Li al-Taba'ah Wa al-Nashr.
- Al-Suyuty. Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abu Bakr. (2000). *al-Dur al-Manthur fi al-Tafsir al-Ma'thur*. Beirut. Cet 1. Jilid 1. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tabary. Abu Ja'far Muhammad bin Jarir. (2005). *Jami' al-Bayan 'an ta'wil ay al-Qur'an*. Ishraf Wa Taqdim 'Abd al-Hamid 'Abd al-Mun'im Madkur. Qaherah. Dar al-Salam.
- Fakhr al-Razy. Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Umar bin al-Hasan bin al-Husain al-Taymy al-Bakry al-Razy. (2002). *Mafatih al-Gayb*. Beirut Dar al-Fikr.
- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. (1984). *al-Tahrir wa al-Tanwir*. Juzuk 18. Tunis. Dar al-Tunisiyah li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ibn Kathir. 'Imad al-Din Abu al-Fida' Isma'il bin Kathir al-Qurashy al-Dimashqy. (1393H). *Tafsir Al-Qur'an Al-'Azim*. Tahqiq Muhammad 'Ali Al-Sabuny. Cet. 1. Beirut. Dar Al-Qur'an Al-Karim.

- Muslim. (1998). Sahih Muslim Bi Sharh Al-Nawawy. Tahqiq al-Shababity. Hazim Muhammad. Imad Amir. Cet 3. al-Qahirah. Dar al-Hadith.
- Quraish, S. M. (2004). Dia Di Mana-Mana Tangan Tuhan Di Sebalik Setiap Fenomena. Cet. 1. Jakarta. Lentera Hati.
- Rusdi, M. (2020), Silsilah Tafsir al-Quran: Menyelami Mutiara Surah al-Fatihah pesan dan kesannya dalam kehidupan, Cet 1, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei Darussalam.
- Tantawy, Muhammad al-Sayyid. (1984). al-Tafsir al-Wasith li al-Qur'an al-Karim. Juzuk 9. al-Qahirah. Dar al-Ma'arif.